

“Shop Online and Save More with PB Visa Debit Card” – Online Usage Campaign

**Terms and Conditions**

**Campaign Period**

1. This Campaign is valid from 1 August 2022 until 31 December 2022, both dates are inclusive (“**Campaign Period**”).

**Eligibility**

2. The Campaign is open to all Principal Public Bank Visa Debit Card Cardmember(s) during the Campaign Period (“**Eligible Cardmember**”).
3. The Public Bank Visa Debit Cards which are eligible for the Campaign are as follows: -
  - 3.1. Public Bank Visa Lifestyle Debit Card
  - 3.2. Public Bank – Petron Visa Debit Card
  - 3.3. Public Bank Visa Debit Card
4. The following card type are excluded from participating in this Campaign: -
  - 4.1. All other PB Debit Cardmembers ;
  - 4.2. All Public Bank / Public Islamic Bank (PB / PIB) Credit Cards ;
  - 4.3. Cardmembers whose PB / PIB Savings / Current Accounts / Debit Card Account have been suspended, cancelled or terminated during Campaign

**Participation Criteria**

5. To participate in this Campaign, Eligible Cardmembers are required to register his / her participation via ONE (1) time Short Message Service (SMS) during the Campaign Period and send to 66300 in the following manner :-

Key in “PBMU<space>16-digit Principal PB Visa Debit Card Number” and send to 66300 (example: PBMU 4848108812341234)

**Any SMS registration with a Supplementary Debit Card Number shall not be accepted and shall void.**

6. If an Eligible Cardmember holds multiple PB Visa Debit Cards, he / she is required to register only ONE (1) PB Visa Debit Card number once and thereafter, the amount charged on all other PB Visa Debit Cards shall be automatically tracked for the purpose of tabulation of the Qualifying Transactions.

7. Eligible Cardmembers are responsible to ensure that the SMS details are complete, accurate and sent during the Campaign Period. Proof of SMS sent does not constitute a confirmation of receipt by the Bank.
8. Eligible Cardmembers who successfully register for the Campaign will receive a SMS confirmation from the Bank. A Standard normal Telecommunication Operator charges apply for each SMS registration and shall be fully borne by the Eligible Cardmember.
9. In the event the SMS is incomplete / invalid, an outgoing SMS will be sent to the cardmember, at no cost, to inform him / her to re-register via SMS.
10. The Bank will not be held responsible and reserves the absolute discretion to disqualify any registration from duplicate entries, incomplete / inaccurate SMS, late entries, error message, unsuccessful registration due to network failure and / or interruption experienced by a Telecommunication Operator or for any reason whatsoever as the Bank may in its absolute discretion deem fit.
11. If the date and time of a successful SMS registration or transaction date and time captured in the Bank's system differs or dispute arises as to when the registration took place, the Bank's system date and time shall prevail.
12. After the successful SMS registration, the Eligible Cardmembers are required to use any of his / her PB Visa Debit Cards in the following manner to qualify and participate this Campaign :-

**“Shop Online and Save More with PB Visa Debit Card” – Online Usage Campaign**

<b>Campaign Mechanics - I</b>	
15% Cash Back	Spend a minimum amount of <b>RM150</b> per <b>Online Overseas Transaction</b> during the Campaign Period
<b>Campaign Mechanics - II</b>	
10% Cash Back	Spend a minimum amount of <b>RM150</b> per <b>Online Domestic Transaction</b> during the Campaign Period

13. All “Qualified Transaction” or payment must be charged to PB Visa Debit Card via Online Payment.

14. Eligible spend by Supplementary Cardmember(s) shall be aggregated with the Principal Cardmember's and will be considered as Principal Cardmember's Qualified Spend.

Note :-

“Qualified Transactions” shall include all online overseas transaction with foreign currency / domestic transactions and **excludes** the transactions that earn Cash Back / Cash Rebate under other on-going Cash Back / Cash Rebate Campaign, auto-debit, recurring payments, payments for utilities, direct marketing, insurance premiums, government related payments, payment via www.pbebank.com and ATM, any refund, disputed, unauthorized or fraudulent retail transactions, cash advance / cash withdrawal, forex transaction, quasi cash, casino transactions, interest payments , annual fees, reversals, payment to charity (ies) any form of service and / or miscellaneous fees.

15. The Bank allocated a maximum Cash Back payout of RM50,000 for each month during the Campaign Period. The Cash Back payout per month is as follows :-

Participating Month	Campaign Period	Cash Back Allocation (RM)	
		Mechanic I	Mechanic II
Month 1	1 August – 31 August 2022	30,000	20,000
Month 2	1 September – 30 September 2022	30,000	20,000
Month 3	1 October – 31 October 2022	30,000	20,000
Month 4	1 November – 30 November 2022	30,000	20,000
Month 5	1 December – 31 December 2022	30,000	20,000
<b>Total</b>		<b>250,000</b>	

16. Each Eligible Cardmember is entitled to a maximum Cash Back of RM80 per month on a first-come, first served basis.

17. The Cash Back payout earned by the Eligible Cardmember(s) shall be tracked in the following manners :-

<b>SMS received in a Month</b>					
	Month 1	Month 2	Month 3	Month 4	Month 5
<b>Qualifying Transactions in each Tracking Month</b>					
Month 1	√	√	√	√	√
Month 2	-	√	√	√	√
Month 3	-	-	√	√	√
Month 4	-	-	-	√	√
Month 5	-	-	-	-	√

For example :-

An Eligible Cardmember successfully registered via SMS on Month 1 of the Campaign Period will have his / her Qualifying Transactions being tracked for the Month 1, and thereafter till the end of the Campaign Period.

18. The Cash Back payout will be credited to Eligible Cardmember's Account within FOUR (4) to TWELVE (12) weeks after the end of each subsequent month and upon fulfillment of all terms and conditions listed.
19. The Cash Back payout is non-transferable to any 3rd party and is non – exchangeable for up-front cash or kind.
20. An Eligible Cardmember whose card account(s) has been suspended, cancelled or terminated during the Campaign Period will not be entitled for the Cash Back.
21. The Eligible Cardmembers who participate for this Campaign during the Campaign Period will not be eligible for other PB Debit Card Usage Campaigns. All transactions by the Eligible Cardmembers who participate for this Campaign during the Campaign Period will be excluded from other ongoing PB Debit Card Usage Campaigns.

22. If there is any dispute or non-receipt of the Cash Back, the Eligible Cardmember is required to contact PB Card Customer Service (03-2176 8000) by 31 March 2023. No inquiry will be entertained after 31 March 2023.

### **General Terms and Conditions**

23. The Bank reserves the right to change, amend, delete or add on to these Terms and Conditions from time to time with at least twenty one (21) calendar days prior notice which notice of such change, amendment, deletion or addition shall be published on the Bank's website [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com).
24. By participating in this Campaign, the Eligible Cardmember :
- a) shall be deemed to have read, understood and agreed to be bound by these Terms and Conditions stated herein. The decision of the Bank shall be final, binding and conclusive. No correspondence, disputes and appeals will be entertained;
  - b) agrees and consents that information regarding him/her can be processed, collected, used and stored by the Bank for the purpose of this Campaign;
  - c) agrees that the decision of the Bank will be final, binding and conclusive and that no appeal, correspondence, queries or protests will be entertained; and
  - d) agrees and consents that the Bank, as the case may be, may use his / her registered contact number for marketing purposes within the Bank.
25. The Bank shall not be liable for any misinterpretation or misrepresentation of facts by any unauthorized third party in respect of this Campaign and/or the Cash Back offered which is published in any mass media, marketing or advertising materials.
26. The Bank reserves the right to cancel, terminate or suspend the Campaign. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the Eligible Cardmember to any claim or compensation against the Bank for any and all loss or damage suffered or incurred by the Eligible Cardmember as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.
27. The Bank shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or whatsoever suffered by the Eligible Cardmember caused directly or indirectly, in whole or in

part, from his / her participation in the Campaign as a result of any act or omission on the part of the Bank.

28. The Terms and Conditions herein are in addition to and without prejudice to the Terms and Conditions stated in Cardmember Agreement applicable to Eligible Cardmember's Card Account. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and the said Agreement, these Terms and Conditions shall prevail in so far as they apply to the "Shop Online and Save More with PB Visa Debit Card" – Online Usage Campaign.
29. In the event of a conflict, discrepancy or variance in the terms and conditions in the English Language version and Bahasa Malaysia version, the terms and conditions of the English Language version shall prevail.

-----END-----

*“Shop Online and Save More with PB Visa Debit Card” - Kempen Penggunaan Dalam Talian*

## **Terma dan Syarat**

### **Tempoh Kempen**

1. Kempen ini sah mulai 1 Ogos 2022 hingga 31 Disember 2022, termasuk kedua-dua tarikh berkenaan (“**Tempoh Kempen**”).

### **Kelayakan**

2. Kempen ini terbuka kepada Ahli Kad Debit Utama Public Bank Visa semasa Tempoh Kempen (“**Ahli Kad yang Layak**”).
3. Berikut adalah jenis Kad Debit Public Bank Visa yang layak untuk Kempen ini :-
  - 3.1. Kad Debit Public Bank Visa Lifestyle
  - 3.2. Kad Debit Public Bank – Petron Visa
  - 3.3. Kad Debit Public Bank Visa
4. Kad yang berikut dikecualikan daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini :-
  - 4.1. Semua Ahli Kad Debit Public Bank yang lain ;
  - 4.2. Semua Kad Kredit Public Bank / Public Islamic Bank (PB / PIB) ;
  - 4.3. Ahli Kad yang mana Akaun Simpanan / Semasa PB / PIBnya / Kad Debit telah digantung, dibatalkan atau ditamatkan semasa Kempen ini.

### **Kriteria Penyertaan**

5. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Ahli Kad yang Layak perlu mendaftarkan penyertaannya melalui SATU (1) Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) semasa Tempoh Kempen dan hantar ke 66300 seperti berikut:-

Taip “PBMU<jarak>nombor Kad Debit Utama PB Visa 16 digit” dan hantar ke 66300 (misalnya PBMU 4848108812341234)

**Pendaftaran SMS dengan nombor Kad Debit Tambahan tidak diterima dan akan dibatalkan.**

6. Sekiranya Ahli Kad yang Layak mempunyai beberapa Kad Debit PB Visa, beliau perlu mendaftarkan hanya SATU (1) nombor Kad Debit PB Visa sekali sahaja dan selepas itu, amaun yang dicaj untuk semua Kad Debit PB Visa yang lain secara automatik akan dikesan bagi tujuan pengiraan Urus niaga yang Layak.
7. Ahli Kad yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa butir-butir SMS adalah lengkap, tepat dan dihantar semasa Tempoh Kempen. Bukti penghantaran SMS bukanlah merupakan pengesahan penerimaan oleh Bank.
8. Ahli Kad yang Layak yang berjaya mendaftar untuk Kempen ini akan menerima pengesahan SMS daripada Bank. Caj Pengendali Telekomunikasi biasa yang standard dikenakan bagi setiap pendaftaran SMS dan akan dibayar sepenuhnya oleh Ahli Kad yang Layak.
9. Sekiranya SMS tidak lengkap / tidak sah, satu SMS keluar akan dihantar kepada ahli Kad, tanpa kos, untuk memaklumkan kepada beliau untuk mendaftar semula melalui SMS.
10. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dan mempunyai hak mutlak untuk tidak melayakkan mana-mana pendaftaran disebabkan oleh penyertaan serupa yang dihantar dua kali, SMS yang tidak lengkap/tidak tepat, penyertaan yang lewat, mesej yang silap, pendaftaran yang tidak berjaya disebabkan oleh kegagalan sistem dan/atau gangguan yang dialami oleh Pengendali Telekomunikasi atau atas apa jua sebab yang Bank anggap wajar menurut budi bicara mutlaknya.
11. Sekiranya tarikh dan waktu pendaftaran SMS yang berjaya dibuat atau tarikh urus niaga dan masa yang dirakam dalam sistem Bank berbeza atau timbulnya pertikaian mengenai bila pendaftaran dibuat, tarikh dan masa dalam sistem Bank akan diterima pakai.
12. Selepas pendaftaran SMS berjaya dibuat, Ahli Kad yang Layak perlu menggunakan mana-mana Kad Debit PB Visanya dengan cara yang berikut untuk layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:-

**“Shop Online and Save More with PB Visa Debit Card” - Kempen Penggunaan Dalam Talian**

<b>Mekanisma Kempen - I</b>	
15% Pulangan Tunai	Berbelanja minimum sebanyak <b>RM150</b> bagi setiap urus niaga <b>Dalam Talian di Luar Negara</b> semasa Tempoh Kempen



<b>Mekanisma Kempen – II</b>	
10% Pulangan Tunai	Berbelanja minimum sebanyak <b>RM150</b> bagi setiap urus niaga <b>Dalam Talian Domestik / Tempatan</b> semasa Tempoh Kempen

13. Semua “Urus niaga yang Layak” atau bayaran mesti dicajkan ke Kad Debit PB Visa melalui pembayaran dalam talian.
14. Perbelanjaan yang Layak oleh Ahli Kad Tambahan hendaklah dikumpulkan dengan Perbelanjaan yang Layak oleh Ahli Kad Utama dan akan dianggap sebagai Perbelanjaan yang Layak oleh Ahli Kad Utama.

Nota:-

“Urus niaga yang Layak” hendaklah termasuk semua urus niaga dalam talian di luar negara dengan mata wang asing / dalam negeri **tidak termasuk** urus niaga yang menghasilkan Pulangan Tunai / Rebat Tunai di bawah Kempen Pulangan Tunai / Rebat Tunai yang lain yang sedang berlangsung, debit auto, bayaran berulang, bayaran untuk utiliti, pemasaran terus, premium insurans, bayaran berkaitan dengan kerajaan, bayaran melalui [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com) dan ATM, apa-apa Pulangan balik, urus niaga yang dipertikaikan, tidak dibenarkan atau bagi tujuan penipuan, pendahuluan tunai / pengeluaran tunai, urus niaga *forex*, separa tunai, urus niaga kasino, pembayaran faedah, fi tahunan, penarikbalikan, pembayaran kepada badan-badan kebajikan dan apa-apa jenis fi perkhidmatan dan / atau rencam.

15. Bank memperuntukkan bayaran Pulangan Tunai sebanyak RM50,000 setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen. Bayaran Pulangan Tunai setiap bulan adalah seperti yang berikut:-

<b>Bulan Dalam Tempoh Kempen</b>	<b>Tempoh Kempen</b>	<b>Peruntukan Pulangan Tunai (RM)</b>	
		<b>Mekanisma I</b>	<b>Mekanisma II</b>
Bulan Pertama	1 Ogos - 31 Ogos 2022	30,000	20,000
Bulan ke-2	1 September - 30 September 2022	30,000	20,000
Bulan ke-3	1 Oktober - 31 Oktober 2022	30,000	20,000

Bulan Dalam Tempoh Kempen	Tempoh Kempen	Peruntukan Pulangan Tunai (RM)	
		Mekanisma I	Mekanisma II
Bulan ke-4	1 November - 30 November 2022	30,000	20,000
Bulan ke-5	1 Disember – 31 Disember 2022	30,000	20,000
<b>Jumlah</b>		<b>250,000</b>	

16. Setiap Ahli Kad yang Layak untuk mendapat Pulangan Tunai maksimum sebanyak RM80 sebulan atas dasar siapa cepat dia dapat.
17. Pulangan Tunai yang diperoleh oleh Ahli Kad yang Layak akan dikesan melalui cara yang berikut:-

SMS yang Diterima dalam Sebulan					
	Bulan pertama	Bulan ke-2	Bulan ke-3	Bulan ke-4	Bulan ke-5
Urus niaga yang Layak dalam setiap Bulan yang Dikesan					
Bulan pertama	✓	✓	✓	✓	✓
Bulan ke-2	-	✓	✓	✓	✓
Bulan ke-3	-	-	✓	✓	✓
Bulan ke-4	-	-	-	✓	✓
Bulan ke-5	-	-	-	-	✓

Misalnya:-

Urus niaga yang Layak yang dibuat oleh Ahli Kad yang Layak yang berjaya mendaftar melalui SMS pada Bulan Pertama semasa Tempoh Kempen akan dikesan untuk Bulan Pertama, dan selepas itu sehingga tamatnya Tempoh Kempen.

18. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Ahli Kad yang Layak dalam tempoh EMPAT (4) hingga DUA BELAS (12) minggu selepas setiap akhir bulan yang berikutnya dan apabila kesemua terma dan syarat dipatuhi.
19. Pulangan Tunai itu tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai atau barang terlebih dahulu.
20. Ahli Kad yang Layak yang akaun kadnya telah digantung, dibatalkan atau ditamatkan semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk mendapat Pulangan Tunai tersebut.
21. Ahli Kad yang Layak yang mengambil bahagian bagi Kempen ini semasa Tempoh Kempen tidak layak menyertai Kempen penggunaan Kad Debit PB yang lain. Semua urusan niaga yang dibuat oleh Ahli Kad yang Layak dalam kempen tersebut semasa Tempoh Kempen akan dikecualikan daripada Kempen Kad Debit PB penggunaan yang lain.
22. Sekiranya terdapat pertikaian atau Pulangan Tunai ini tidak diterima, Ahli Kad yang Layak perlu menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Kad PB (03-2176 8000) sekurang-kurangnya sebelum 31 Mac 2023 untuk pertanyaan. Tiada pertanyaan akan dilayani selepas 31 Mac 2023.

### **Terma dan Syarat Am**

23. Bank berhak untuk menukar, meminda, memotong atau menambah Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar mengenai perubahan, pindaan, potongan atau penambahan tersebut yang hendaklah disiarkan dalam laman web Bank [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com).
24. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Ahli Kad yang Layak:
  - a) dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam ini. Keputusan Bank adalah terakhir, mengikat dan konklusif. Tiada surat-menyurat, pertikaian dan rayuan akan dilayani;
  - b) bersetuju dan mengizinkan maklumat mengenai Ahli Kad yang Layak diproses, dikumpul, digunakan atau disimpan oleh Bank bagi tujuan Kempen ini;
  - c) bersetuju bahawa keputusan Bank adalah terakhir, mengikat dan konklusif dan tiada rayuan, surat-menyurat, pertanyaan atau bantahan akan dilayani; dan

- d) bersetuju dan mengizinkan Bank, mengikut keadaan, untuk menggunakan nombor telefon Ahli Kad yang Layak yang didaftarkan dengannya bagi tujuan pemasaran dalam lingkungan Bank.
25. Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Pulangan Tunai yang ditawarkan yang disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan-bahan pemasaran atau pengiklanan.
26. Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen ini. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Kempen ini oleh Bank tidak melayakkan Ahli Kad yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap Bank bagi semua atau mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad yang Layak diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan berkenaan.
27. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan, sama ada secara langsung atau berikutan daripadanya, bagi apa-apa kerugian dan ganti rugi atau apa juga pun yang dialami oleh Ahli Kad yang Layak, yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, daripada penyertaan mereka dalam Kempen ini berikutan apa-apa tindakan atau keteringgalan oleh Bank.
28. Terma dan Syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian Ahli Kad yang diterima pakai bagi Akaun Kad Ahli Kad yang Layak. Sekiranya terdapat pertikaian antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian tersebut, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai setakat mana ia berkaitan dengan "*Shop Online and Save More with PB Visa Debit Card*" - Kempen Penggunaan Dalam Talian.
29. Jika terdapat konflik, pertikaian atau perubahan dalam terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

---

TAMAT